

## **Suatu Analisis dan Cadangan Penambaihan Dasar untuk Libatsama Universiti dengan Komuniti Setempat (LUKS) dalam Mentransformasikan Sosiekonomi Wilayah Bandar Pulau Pinang**

S.Thanam Subramaniam  
Bahagian Geografi  
Pusat pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
11800, Pulau Pinang  
Malaysia  
thana\_thanam@yahoo.com.my

### **ABSTRAK**

Dalam era 21- an ini, ekonomi Negara Malaysia adalah berasaskan pengetahuan dan tidak boleh dinafikan bahawa Libatsama Universiti dengan Komuniti Setempat (LUKS) adalah penting dan universiti sudah mula memainkan peranan yang penting dalam mentransformasikan pembangunan sosiekonomi Negara Malaysia. Berikutan dengan itu, kertas kerja ini berhasrat untuk menganalisis semula akan dasar dan usaha yang telah dijalankan dalam meningkatkan LUKS di peringkat nasional dan juga dalam konteks wilayah bandar seperti Pulau Pinang dan akan mencadangkan beberapa dipenambahbaikan yang dapat dilakukan ke atas dasar LUKS dalam menuju ke arah pembangunan ekonomi yang efektif. Kertas kerja ini akan menggunakan sumber primer dan sekunder. Untuk data primer, penulis akan menjalankan temu bual secara mendalam dengan pihak kerajaan, pegawai pentadbir USM dalam wilayah bandar Pulau Pinang dan juga dengan komuniti setempat yang terlibat dalam projek – projek komuniti USM yang dipilih secara random. (USM) sebagai universiti yang bertarafkan APEX telah dipilih dalam mengetahui sejauhmana perkembangan dasar – dasar ke arah LUKS dalam skop wilayah bandar. Dengan ini kerja kerja diharapkan akan menjadi panduan bukan sahaja kepada USM tetapi juga kepada IPT yang lain dan kerajaan Malaysia dalam mempraktikkan LUKS untuk mentransformasikan aspek sosiekonomi .

Kata Kunci: Cadangan Dasar, Pemantauan, efektif, Libatsama Universiti dengan komuniti setempat (LUKS), mentransformasikan, Sosiekonomi , Wilayah bandar, Pulau Pinang, Malaysia

### **ABSTRACT**

*In 21 century, Malaysia economic is based knowledge insentive and we should agree that University in community engagement (UCE) is pivotal aspect and many university in Malaysia are started to playing their roles in transforming sosieconomic development especially in city region contexts. Due to this, this working paper is aiming to analyses the efforts and policies regarding UCE that have implemented in national and city region level and the writer also will suggests some suggestions that help to moving UCE activity in Malaysia and city region such Penang in knowledge based economy. This working paper will use primer and secondary data. For primer data the writer will searching the literature reviews and government policies materials that may supports write up objectives. Furthermore, for secondary data which are contains informations from interview sections that held by writer with regional governances, Universiti Sains Malaysia (USM) administrators and the local communities that directly involved in USM community projects which are selected randomly by writer. USM was choosen as a sample for this working paper because it was awarded as APEX University in Malaysia which is located in City region of Penang. At the last, the outputs of this working paper may contribute not only able to guding USM but also other universities and Malaysia government to practicing LUKS effectively for transforming socioeconomic aspects.*

### **PENGENALAN**

Kertas kerja ini bermatlamat untuk menyumbang pengetahuan kepada bidang Libatsama Universiti Komuniti Setempat (LUKS) dan ekonomi yang sememangnya mempunyai hubungan dan kaitan antara satu sama lain. Sejak kebelakangan ini, isu LUKS semakin hangat diperkatakan di negara ini dan telah

memberi galakkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia dalam menyelesaikan masalah sosiekonomi yang sedang dihadapi oleh komuniti setempat. Mengikut Holland & Ramaley, (2008), diperingkat luar Negara, LUKS sememangnya dikatakan akan mentransformasikan kandungan pendidikan tinggi di kebanyakan institusi dan ia telah dianggap sebagai satu elemen penting di sekitar dunia misalnya untuk United Kingdom (UK), Spain, Germany, India, Japan, Vietnam, Thailand, Philipine, Australia, Amerika Syarikat (USA), Kanada, Mexico, Argentina, Brazil, Afrika Timur dan sebagainya (Thanam et al. 2012). Kertas kerja ini diharapkan akan membantu semua pembaca khususnya pengubal polisi peringkat kerajaan persekutuan dan wilayah bandar dan pihak universiti di Malaysia dalam mempraktikkan LUKS secara efektif. Pengurusan polisi yang efektif adalah diperlukan untuk mentransformasikan sosioekonomi kearah cemerlang khususnya dalam konteks wilayah bandar. Kerajaan Persekutuan kerajaan Malaysia sebenarnya telah menjalankan peranan yang terbaik dalam menggubal polisi dan usaha – usaha tertentu dalam menaiktarafkan peranan universiti kearah LUKS untuk kesan yang lebih positif terhadap pembangunan sosiekonomi Malaysia walau bagaimanapun Kertas kerja ini juga bermatlamat dalam menganalisis semula semula akan dasar dan usaha yang telah dijalankan untuk elemen LUKS di peringkat nasional dan wilayah bandar. USM dalam wilayah bandar Pulau Pinang akan dipilih sebagai kajian kes dalam mengetahui usaha –usaha akan polisi ke arah LUKS yang telah dijalankan. Berikutan itu pihak USM dan pihak pentadbir wilayah bandar Pulau Pinang akan ditemubualkan dalam mengetahui dasar yang berkaitan LUKS dan juga senario Dasar kearah LUKS di USM. Pada akhir kertas kerja akan dicadangkan penambahbaikan dasar dan strategik ke akan LUKS yang perlu diambil perhatian serius untuk mendapat hasil yang berkesan oleh kerajaan Malaysia dan universiti seperti USM untuk mentransformasikan konteks sosiekonomi.

## **METODOLOGI**

Metodologi adalah amat penting dalam menjawab sesuatu penyelidikan atau objektif kertas kerja. Dalam kertas kerja ini, data sekunder dan data primer akan digunakan. Data sekunder adalah diperolehi daripada strategi pencarian seperti mana yang telah dinyatakan oleh para saintis (Zhu, 2012). Bahan pencarian adalah berbentuk data sekunder yang merangkumi Laporan rasmi kerajaan dan tinjauan literatur. Pada masa yang sama, kaedah penyelidikan kualitatif juga akan digunakan. Strategik pencarian akan digunakan dalam mendapatkan data rasmi dan juga bahan literatur yang dapat menyokong hasil penyampaian kertas kerja ini. Dari segi Kaedah kualitatif pula, penulis akan menemubual pegawai – pegawai kerajaan di peringkat wilayah bandar dan pegawai – pegawai daripada USM dalam mengetahui keadaan sebenar dan kandungan dasar – dasar yang diperkenalkan dalam mempraktikkan LUKS dalam konteks wilayah bandar. Data kualitatif dan sumber sekunder melalui yang diperolehi melalui strategi pencarian akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen. Fokus penulis dalam mendapatkan hasil data adalah bermula pada tahun 1999 hingga kini.

## **KONSEP LUKS**

Berkenaan konsep LUKS, banyak definisi telah diutarakan oleh penulis dan para sarjana samaada tempatan mahupun luar negara. Pada mulanya konsep LUKS dirujuk sebagai satu program kemasyarakatan atau satu aktiviti menolong komuniti (Thanam et al. 2012). Istilah libatsama mempunyai definisi yang tersendiri dimana mempunyai maksud yang luas dan sukar untuk didefinisikan secara khusus. Libatsama boleh terdiri daripada pelbagai jenis penglibatan, iaitu melibatkan IPT, sektor awam, sektor swasta dan banyak lagi (CHE, 2010). Libatsama dijalankan dengan untuk mendapatkan mendapatkan faedah, mutu dan kefahaman terhadap sesuatu objektif yang ingin dicapai melalui projek – projek tertentu. Walau bagaimanapun LUKS telah mula diberikan perhatian yang serius diperingkat nasional dan wilayah bandar. Thanam et al. 2012:804, telah menyatakan bahawa komuniti yang merangkumi LUKS adalah merangkumi komuniti luar daripada kampus tanpa mengira taraf, umur, kaum, agama, institusi dan sebagainya yang memerlukan bantuan daripada pihak universiti khususnya dalam aspek pemindahan pengetahuan dalam ekonomi berasaskan pengetahuan sepenuhnya. Mengikut Pertubuhan Carnigie, konsep LUKS dikatakan meliputi kolaborasi antara universiti dan komuniti yang besar iaitu lokal, wilayah, nasional dan global untuk pemindahan pengetahuan dan sumber secara mutu dalam konteks perkongsian dan kesalingan (Saltmarsh, 2008; Bell et al, 2007:6). Justeru itu, mengikut CHE (2007), LUKS adalah satu proses yang menjurus kepada perkongsian visi dan misi bersama golongan komuniti khususnya golongan yang kurang upaya dengan aktor bersamanya, iaitu lokal, kerajaan nasional, badan bukan kerajaan, universiti, para peniaga dan

penderma dalam kalangan masyarakat komuniti. Hasilnya adalah melalui kolaborasi program dalam jangka masa panjang dan tindakannya akan meliputi semua komuniti secara keseluruhannya (CHE, 2010: 23). Mengikut Fern Tiger Associates, 2005, LUKS sebenarnya termasuklah komitmen yang telah mengambil masa yang lama terhadap sumber – sumber dan fakulti atau dengan para pelajar untuk pendidikan awam atau inisiatif dan program yang akan menggalakkan perhubungan antara fakulti dan komuniti, kursus – kursus yang berkaitan dengan komuniti, insentif kepada fakulti untuk melibatkan diri dalam projek yang berkonsepkan komuniti atau kursus – kursus pengajaran dengan komponen perkhidmatan pembelajaran.

Seterusnya adalah Bender (2008), yang mempunyai definisi yang hampir kurang serupa iaitu satu elemen perkongsian pengetahuan universiti dengan sumber – sumber oleh orang awam, perkhidmatan dan sektor swasta untuk meningkatkan taraf bantuan kewangan, penyelidikan dan inovasi dengan menukarkan elemen kurikulum ke arah yang lebih responsif dan berjaya mentransformasikan pembelajaran dan pengajaran, menyediakan insan yang berpengetahuan, terlibat dengan rakyat, menguatkan ciri – ciri demokrasi dan tanggungjawab sivik, fokus dalam aspek isu sosial yang kritikal dan menyumbang kepada keperluan orang awam. Selain itu, mengikut HEQC, (2004:19&26) dalam Bender(2008), yang telah menyatakan bahawa LUKS secara amnya telah dikenalpasti terbentuk dalam pelbagai bentuk, iaitu daripada tidak formal dan secara relatif terhadap aktiviti yang tidak berstruktur kepada aktiviti yang berformal dan yang telah distrukturkan dengan program akademik untuk memfokuskan keperluan komuniti melalui pengkhususan yang dilakukan terhadap program pembelajaran- perkhidmatan. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa terdapat banyak penyelidik yang telah menyumbang ideanya kepada konsep LUKS. Walau bagaimanapun kita masih kekurangan idea, sokongan dan mekanisme yang kukuh untuk membangunkan satu definisi yang kukuh dan sama tentang konsep LUKS (Thanam et al.2012). Dengan ini boleh disimpulkan bahawa libatsama boleh dibahagikan kepada libatsama oleh universiti, kerajaan, sekolah dan sebagainya dan konsep LUKS adalah salah satu cabangnya dan ia boleh didefinisikan sebagai aktiviti kolaborasi oleh pihak universiti dengan komuniti global atau setempat, iaitu luar daripada kawasan universiti yang terdiri daripada sektor kerajaan, para industri, pihak bukan kerajaan, suri rumah dan sebagainya dalam menyumbang faedah melalui pertukaran pengetahuan dan sumber – sumber tertentu yang diinginkan oleh komuniti. Selain itu LUKS adalah salah satu peranan universiti selain perkhidmatan- pembelajaran dan penyelidikan. Matlamat LUKS adalah untuk berkongsi sumber dan pemindahan pengetahuan yang mampu mentransformasikan sosioekonomi Negara dan wilayah bandar Malaysia. Sumbangan dan peranan LUKS secara keseluruhannya kepada nasional dan wilayah bandar boleh dibahagikan kepada Modal Sosial, modal ekonomi, pembangunan budaya dan pembangunan persekitaran (Thanam et al. 2012). Rajah 1 menunjukkan gambaran ringkas akan konsep LUKS.

## **PERANAN UNIVERSITI DALAM ERA 21-AN DALAM LUKS DAN KAITANNYA DALAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI**

Polisi pendidikan tinggi telah mengalami impak dalam nilai akademik dan memberi keutamaan dalam mempelajari ilmu. Dalam abad ke 21-an ini, peranan universiti lebih diberi keutamaan untuk menyelesaikan masalah sosiekonomi dalam skop wilayah bandar (Kotecha, & Vosesa, 2011). Sebenarnya pernyataan Bender (2008) dimana peranan universiti boleh dibahagikan kepada perkhidmatan-pembelajaran, penyelidikan dan libatsama dengan komuniti adalah satu pernyataan yang boleh diterima. Model Infusion adalah satu model yang menerangkan jelas akan peranan universiti kepada 3 jenis. Untuk maklumat lanjut lihat akan Model Infusion LUKS yang telah dibentuk oleh Bender (2008) dibawah.

Secara umumnya, peranan universiti dalam pembangunan nasional dan wilayah bandar melalui aktiviti atau projek LUKS adalah melalui modal sosial, modal ekonomi, modal budaya dan persekitaran. Jan d'Ambrosio Strom (2010:19) telah mendefinisikan model sosial kehidupan sebagai aset yang wujud dalam sosial, manusia dan ekonomi di sesebuah wilayah melalui pelbagai jenis komuniti. Selain itu libat sama universiti juga menonjolkan peranan yang penting dalam persekitaran, khususnya pembangunan mapan (Cortese, March–May 2003).

Mengikut Hobbs (2000), Modal sosial boleh dimaksudkan sebagai satu permukaan organisasi sosial seperti kepercayaan, norma atau rangkaian (dalam libatsama awam) yang boleh memulihkan efisien dalam masyarakat melalui tindakan koordinasi. Modal sosial juga dikatakan sebagai satu institusi, perhubungan, norma yang membentuk kualiti dan kuantiti dalam interaksi sosial masyarakat. Mengikut perspektif pendidikan tinggi, Charles (2007) telah mengatakan universiti boleh menyumbang kepada Modal sosial dalam pembangunan sesuatu kawasan menerusi pelbagai elemen seperti penyertaan staf dan kumpulan berkerja dengan sesuatu komuniti. Hasilnya dapat diukur dan diperolehi

melalui perkongsian dan pembinaan pengetahuan antara satu sama lain pada peringkat wilayah dan lokal (Jan d'Ambrosio Strom, 2010:19). Lazimnya elemen Modal sosial disumbangkan melalui aktiviti libatsama oleh universiti, iaitu staf universiti dan para pelajar dengan komuniti dalam bentuk ceramah, peruntukkan barang, program, pemindahan ilmu, penyelidikan berdasarkan komuniti dan sebagainya yang boleh memberi manfaat kepada komuniti melalui rangkaian perhubungan sosial yang telah diwujudkan. Modal sosial selalunya dikatakan sebagai satu hubungan rangkaian, iaitu dengan cara membenarkan agen dan institusi tertentu untuk lebih efektif dalam mencapai objektif am yang telah ditetapkan dalam fenomena sosial yang berlaku. Misalnya, pencapaian ekonomi am, tahap jenayah dan penceraian, imigrasi buruh dan tahap kesihatan sesebuah komuniti. Namun begitu, hasilnya akan menyumbang kepada pembangunan diri sesebuah komuniti dan Modal sosial sebenarnya mempunyai hubungan dengan kapital ekonomi. Kedua-dua modal ini mempunyai hubungan timbal-balik antara satu sama lain dan saling mempengaruhi secara langsung.

Secara umumnya, Modal ekonomi boleh dimaksudkan sebagai satu kelebihan untuk memenuhi pontensi negatif dan pengurangan dalam aset atau peningkatan nilai kesukaran pada tahap risiko yang diberi dan melebihi skop spesifik (SOA, 2004). Sumbangan dari segi kapital ekonomi boleh dilakukan oleh universiti secara umumnya dalam sesebuah wilayah melalui aktiviti libatsama (Brukardt et al, 2004; Garlick, 2001; Goldsworthy, 2006). Sumbangan kapital ekonomi adalah merangkumi aktiviti, strategi dan program berbentuk inovasi yang baru untuk kegunaan industri dan masyarakat setempat.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Dasar Kerajaan Malaysia Ke Arah Luks**

#### **Pelan strategik Pendidikan Tinggi Negara & Model Ekonomi Baru**

Dalam mentransformasikan pendidikan tinggi, KPT telah ditubuhkan pada 27 Mac 2004. KPT jelas menunjukkan misi dan visi yang jelas untuk mewujudkan pendidikan persekitaran sebagai pusat pengetahuan sumber yang terbaik dan modal yang kompetatif, berdasarkan inovasi dan elemen yang terbaik dalam memenuhi keperluan negara dan antarabangsa (KPT, 2010). Pelan strategik Pendidikan Tinggi Negara merupakan langkah ke arah mempraktikkan LUKS. Pelan ini menjelaskan kepentingan universiti di Malaysia untuk ekonomi berdasarkan berpengetahuan (KPT, 2010). KPT sedar akan graduan Malaysia yang tidak berkualiti dan kurang kemahiran teknikal disebabkan kurikulum yang kurang relevan dan persembahan kemahiran yang tidak mencukupi. Berikutan dengan itu, Pelan Strategik Pendidikan Tinggi telah diformulasikan untuk mentransformasikan peranan pendidikan tinggi berdasarkan konteks Malaysia sebagai hub antarabangsa yang terbaik untuk pendidikan tinggi. Selain itu transformasi tersebut adalah berkonsepkan kepada sistem merit dan kemampanan dalam menuju wawasan 2020 (KPT, 2012). Selain itu, pelan ini juga menunjukkan sistem ini telah mempertingkatkan peranan universiti dalam menyediakan pendidikan dalam konteks wilayah dan global dengan libatsama bersama komuniti (KPT, 2012).

Begitu juga Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia yang ke sepuluh yang telah mengenalpasti keunikan dan keperluan struktur yang membawa faedah dalam kolaborasi (UiTM, 2012). Dalam membangunkan ekonomi berdasarkan inovasi, adalah penting untuk melihat konsep kolaborasi dan komitmen untuk menyertai projek yang boleh meningkatkan nilai (UiTM, 2012). Para akademik khususnya perlu memahami keperluan industri dan pertukaran kemahiran daripada komuniti akademik.

#### **Menggubal Bahagian dan Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Komuniti pada tahun 2007**

Selepas menggubal Model Ekonomi Baru dalam tahun 2007, kerajaan Malaysia telah memilih 5 universiti seperti UKM, UM, USM, UPM dan UiTM untuk menggubal Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (USM) dan juga Timbalan Naib Canselor USM pada tahun 2007 (Saran, 2009:1). Tujuannya adalah untuk mentransformasikan libatsama universiti dengan pelbagai komuniti untuk impak yang lebih baik. Di UKM Timbalan Naib canselor adalah Prof Saran Kaur Gill (UKM, 2012). Seterusnya yang kedua pula adalah Prof. Dr. Awg Bulgiba Bin Awg Mahmud sebagai Timbalan Dekan dibawah Pusat industri dan libatsama komuniti dibawah Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (UM,2012).

Yang seterusnya adalah UPM iaitu Prof. Dr. -Ing. Ir. Renuganth Varatharajoo dan dipanggil sebagai pejabat industri dan libatsama komuniti (UPM, 2012). Justeru itu, di UiTM yang dipanggil

sebagai pejabat industri, komuniti dan rangkaian alumni (ICAN) yang diketuai oleh Prof Dr. Norsaadah Hj Ismail (UiTM, 2012). Yang terakhir adalah di USM Prof Dato Susie Ching Mey yang dipanggil sebagai Bahagian Jaringan Industri Masyarakat (USM). Dalam setiap Pusat Pengajian, telah juga dilantik Timbalan Dekan Bahagian Jaringan Industri Masyarakat dalam lebih mempraktikkan LUKS di 5 buah universiti.

### **Menggubal Pelan strategik untuk kolaborasi universiti dan komuniti pada tahun 2010**

Sumber penting yang lain di kerajaan Malaysia dalam mempraktikkan LUKS adalah melalui penggubalan *University Strategic Enhancement Plan for Industry/Community Collaboration* pada tahun 2010 (KPT, 2010). Kerajaan Malaysia telah menetapkan supaya universiti tidak hanya menumpukan peranannya dalam memperkembangkan pengetahuan yang baru tetapi juga telah mencipta ilmu yang boleh digunakan untuk kegunaan masyarakat dan juga diperlukan menyumbang secara langsung dalam ekonomi negara dan enjin intelektual. (KPT, 2010). Pada masa yang sama, universiti juga perlu memainkan peranan yang kuat dalam pembangunan polisi negara dan pro aktif mempersertakannya dengan pemegang taruh dalam proses pembangunan (KPT, 2010).

Misi pelan adalah untuk mencipta ekosistem yang lebih kepada kolaborasi yang mampan antara universiti dan industri dan komuniti untuk faedah yang bermutu dan visinya adalah untuk mencipta persekitaran yang lebih konduktif untuk libatsama secara efektif dalam mengubah perhubungan dengan pemegang taruh untuk ke arah kolaborasi, fokus yang ketiga adalah lebih kepada aktiviti kolaboratif dan memulihkan pengukuran impak untuk kolaboratif (KPT, 2010).

Pelan ini akan memberi impak ke atas sumbangan yakni yang pertamanya mengubah kualiti kurikulum, pengajaran, kedua untuk belajar untuk memulihkan pasaran siswazah, yang ketiga meningkatkan perdagangan dalam output teknologi dan penyelidikan, dan yang terakhir untuk meningkatkan pendapatan untuk pihak universiti dan industri (KPT, 2010).

Pelan *University Strategic Enhancement Plan for Industry/Community* ini terdiri daripada 4 jenis elemen yang utama, yang pertama adalah universiti perlu libatsama secara strategik dengan industri dan komuniti. Elemen ini memberi peluang kepada universiti berlibatsama dengan pihak industri dan komuniti untuk faedah yang bermutu untuk kedua-dua pihak. Yang kedua adalah menyeru universiti secara strategiknya untuk libatsama dan fokus dengan hala tuju dan sumber – sumber untuk berkolaborasi dengan industri dan komuniti. Yang ketiga adalah universiti secara strategik menggubal aktiviti kolaboratif dan yang keempat adalah membantu pertumbuhan dan memampakan strategik aktiviti kolaboratif (KPT, 2010). KPT juga membantu mewujudkan model atas struktur proses konseptual pelan perubahan yang ditunjukkan dirajah dibawah. Model ini akan membantu universiti mengenali jumlah halangan yang perlu diatasi.

### **Libatsama universiti dengan pihak industri dan komuniti menerusi Asia: Kolaborasi dengan Asia Engage**

Di peringkat global, UKM telah berkolaborasi dengan *Asia Engage*. Persidangan kewilayahan dalam pendidikan – komuniti- libatsama industri yang telah mengadakan satu kolaborasi yang bermakna antara Asia pada 7 -9 2012. Persidangan tersebut telah membawa para akademik, industri, organisasi bukan kerajaan, agensi kerajaan dan komuniti untuk peka akan kepentingan LUKS untuk pembangunan wilayah. Persidangan ini dianjurkan oleh AsiaEngage, satu langkah wilayah untuk mengukuhkan hubungan – hubungan antara 3 insitisi iaitu *Asia-Talloires Network of Industry and Community Engaged Universities (ATNEU)*; *the ASEAN University Network (AUN) Thematic Network on University Social Responsibility and Sustainability (AUN-USR&S)*; dan *ASEAN Youth Volunteer Programme* yang disokong oleh jawantankuasa ASEAN. Entiti ini adalah merupakan institusi yang kaya dengan pengetahuan, kemahiran dan juga pengalaman dalam libatsama komuniti dan industri yang boleh menyumbang kepada komuniti Asia. Persidangan ini telah dilancarkan oleh Pejabat Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat (HEJIM) dan disokong oleh KPT Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan. *AsiaEngage* adalah diharapkan negara Malaysia khususnya mempraktikkan LUKS dengan cara yang lebih efektif dan ia akan membangunkan perspektif wilayah dan global.

### **Memperkenalkan Program Transformasi Komuniti Universiti atau *University Community Transformation Centre (UCTCs)***

Baru – baru ini, penubuhan (UCTCs) adalah untuk menekankan polisi awam adalah selari dengan peranan ketiga IPT iaitu perkhidmatan kepada masyarakat (KPT, 2013). Pada masa yang sama adalah untuk membangunkan instrumen pengukuran keberkesanan program jalinan atau libat sama komuniti

dan meluaskan pengukuran program jalinan atau libat sama komuniti di IPT (KPT, 2013). Penubuhan UCTCs adalah diharapkan dapat menggabungkan segala sumbangan universiti berasaskan masing-masing dengan menggerakkan sumber intelektual dan infrastruktur fizikal universiti bagi mentransformasikan komuniti.

### **USM KE ARAH DASAR LUKS DALAM WILAYAH BANDAR PULAU PINANG**

Wilayah bandar Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang kecil yang meliputi kira-kira 1,031 kilometer persegi yang terletak di utara Malaysia (Norizan. et al. 2006). Pada asasnya, antara tahun 1950 hingga 1960an, Pulau Pinang adalah sebuah wilayah pelabuhan entrepot yang berpusatkan bandaraya George Town dan pada tahun 1970-an statusnya sebagai pelabuhan bebas cukai telah dimansuhkan dan wilayah ini mengalami tekanan ekonomi yang amat meruncing (Norizan. et al. 2006). Pada masa sekarang wilayah bandar Pulau Pinang juga perlu mengharungi cabaran untuk berdiri teguh bukan sahaja di Malaysia tetapi di negara Asia dan terus kekal sebagai wilayah yang kompetitif dengan menuju kepada ekonomi yang berdasarkan pengetahuan dan inovasi yang tinggi (SERI, 2010). USM yang merupakan IPT yang terletak dalam wilayah Pulau Pinang telah berjaya mendapat gelaran 'Universiti APEX' daripada kabinet. USM telah menerima pengiktirafan ini pada 27 Ogos 2008 disebabkan kesediaan Universiti Sains Malaysia untuk melalui transformasi dan pencapaian akademik.

Pihak KPT telah mula sedar akan kepentingan LUKS, dengan ini USM telah ditubuhkan pada tahun September 2007 di USM. Prof Lim Prof. Emeritus Lim Koon Ong telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor pada tahun 2007 (BJIM, 2012). Pada 30 Mac 2010, Perdana Menteri Dato Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah memperkenalkan Model Ekonomi Baru untuk memperolehi transformasi yang kukuh dari segi ekonomi dan berikutan dengan itu, Kementerian Pendidikan Tinggi telah memperkenalkan objektif APEX di USM. Objektif APEX adalah untuk mengukuhkan komunikasi dan membina perhubungan dengan komuniti setempat (MIDF EQUITY BEAT, 2010 & USM, 2010).

Pada tempoh masa sekarang, Prof See Ching Mey telah mengambil alih peranan sebagai Timbalan Naib canselor USM iaitu sejak tahun 2011 (BJIM, 2012). Tujuan penubuhan USM dikatakan adalah untuk mempromosikan hubungan dan libatsama melalui cara yang terdekat, efektif, yang bermakna dan mampan dengan para industri dan komuniti (See Ching Mey, 2012). Visi USM adalah untuk menuju kepada kemampunan ekonomi, sosial, budaya, pendidikan, kesihatan dan persekitaran dalam pembangunan dan transformasikan negara dan misinya pula untuk berlibat secara terdekat dengan para industri dan komuniti dalam bidang yang berbeza untuk mencapai visi. Objektif penubuhan USM adalah sebagai pusat rujukan kepada pihak industri dan masyarakat, memastikan LUKS dan industri adalah selari, pastikan jaringan dan libatsama dengan pihak industri dan komuniti adalah selari dan memperkukuhkan libatsama pada peringkat negeri, negara, serantau dan antarabangsa (BJIM, 2012).

Sejak tahun 2008, USM telah memberikan geran untuk menjalankan projek berdasarkan komuniti untuk memenuhi keperluan komuniti yang terdiri daripada pelbagai jenis kumpulan dimana golongan yang miskin atau yang telah mengalami cabaran secara mental dan fizikal. Projek komuniti boleh dibahagikan kepada 6 tema iaitu pendidikan, ekonomi, kesihatan, sosial, persekitaran dan warisan dan budaya. Projek komuniti ini terdiri daripada kampus induk, kejuruteraan dan kesihatan (BJIM, 2012). Ketua projek adalah terdiri daripada pelbagai jenis pusat pengajian dan pusat penyelidikan.

Selain itu, USM juga memperkenalkan program *Intenship* untuk pelajar (SIP) yang memberi peluang kepada para pelajar untuk berlibatsama dengan komuniti setempat (USM, 2012). Pada masa yang sama USM juga telah berkolaborasi dengan *Asia-Pacific University-Community Engagement Network* (APUCEN) yang bertujuan untuk meningkatkan libatsama dalam konteks wilayah bandar. Selain itu mengikut BJIM (2012) yang telah menyatakan bahawa BJIM telah berlibatsama dengan pihak industri dan sebanyak RM200 juta telah diperbelanjakan untuk perkara ini. (UCTCs) juga telah digubal di peringkat USM tetapi ia masih dalam peringkat permulaan dan tidak dapat memperolehi sebarang impak yang dapat dikenalpasti (USM, 2013).

### **RUMUSAN CADANGAN PENAMBAIKKAN DASAR LUKS DALAM MENTRANSFORMASIKAN SOSIEKONOMI WILAYAH BANDAR PULAU PINANG**

Tidak dapat mengakui bahawa Negara Malaysia sudah mempunyai dasar ke arah LUKS. Usaha murni KPT dapat dilihat melalui Pelan strategik Pendidikan Tinggi Negara & Model Ekonomi Baru yang

merupakan garis permulaan yang menyeru universiti berlibatsama dengan komuniti setempat. Seterusnya penggubalan USM di beberapa universiti dapat memberi peluang kepada mereka dalam menumpukan LUKS secara bebas dan langsung. Usaha kerajaan untuk mempraktikkan LUKS adalah satu langkah yang baik dan telah banyak menyeru beberapa universiti dalam menjalankan LUKS secara efektif. Walau bagaimanapun beberapa penambahbaikan dan halangan boleh diberi perhatian dalam meningkatkan lagi hasil sumbangan LUKS khususnya dalam konteks pembangunan sosioekonomi wilayah bandar Pulau Pinang. Penulis telah melakukan kajian terhadap bahan sekunder dan primer yang berkaitan dengan tema penyelidikan, nampaknya dalam konteks wilayah bandar masih kurang jelas akan mekanisme dan proses yang jelas untuk mempraktikkan LUKS. Elemen ini adalah sangat disetujui oleh kajian oleh OECD (2010). Dengan ini pihak kerajaan telah menubuhkan USM sebagai satu mekanisme dalam menjalankan LUKS tetapi mengikut pihak kerajaan dan komuniti setempat wilayah bandar Pulau Pinang telah menyatakan bahawa masih kurang peka akan peranan USM. Perkara ini adalah kemungkinan USM masih dalam proses permulaan. Mengikut hasil temubual dengan pihak kerajaan dan komuniti setempat yang masih kabur dalam menghubungi pihak yang sesuai dalam universiti untuk menyelesaikan masalah sosioekonomi yang sedang dihadapi. Dalam hal ini kemungkinan memerlukan satu mekanisme yang khas untuk menguruskan elemen LUKS dan penubuhan Pusat Transformasi LUKS (UCTCs) oleh KPT adalah merupakan satu pelan yang baik untuk mengawal aspek LUKS dalam universiti selain USM. Penubuhan Pusat Transformasi LUKS (UCTCs) di peringkat universiti sebenarnya dapat memimpin USM dan bahagian pentadbiran yang lain dalam universiti ke arah LUKS mentransformasikan komuniti dan sekaligus wilayah bandar. Pusat Transformasi LUKS (UCTCs) juga perlu mempublikasikan peranan BJIM USM khususnya kepada komuniti setempat dalam skop yang besar dalam konteks wilayah bandar Pulau Pinang. Sebagai cadangan penambahbaikan melalui kerjasama semua pihak Penggubalan Bahagian Pembangunan komuniti setempat wilayah boleh diwujudkan di peringkat wilayah bandar dan ia boleh berurusan secara langsung dengan aktor – aktor seperti universiti iaitu Pusat Transformasi LUKS (UCTCs), Badan kerajaan dan bukan kerajaan dan komuniti setempat. (UCTCs) pada akhirnya akan merujuk kepada kerajaan Persekutuan kerana merupakan autoriti tertinggi Negara Malaysia. Sementara itu, sebagai cadangan, selaras dengan pembangunan polisi Negara Malaysia, Ahli Dewan Undangan Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan universiti kemungkinan boleh mengadakan persidangan meja bulat secara berterusan dari semasa ke semasa dalam membincangkan dan mengagihkan masalah dan keperluan sosioekonomi komuniti setempat yang perlu difokuskan oleh universiti – universiti berasaskan nic masing – masing. Dengan ini satu hubungan kolaborasi yang baik akan wujud antara pihak pentadbir dan universiti dalam mentransformasikan sosioekonomi peringkat nasional dan wilayah bandar. Lihat rajah 3 yang jelas menunjukkan akan proses ke arah permulaan LUKS diperingkat wilayah bandar melalui pelbagai aktor hingga ke autoriti Bahagian Pengurusan LUKS peringkat wilayah bandar dan seterusnya Kerajaan Persekutuan.

